

# Dr. M rasmi forum

## keamanan Sabtu ini

UM - 28/3/2006

KUALA LUMPUR 27 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan melancarkan forum bertajuk Keamanan di Negara, Keamanan di Dunia di Hotel Pan Pacific di sini, Sabtu ini.

Beliau yang juga Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana akan menyampaikan ucapan pada forum sempena kempen '15 Tahun Soroptimism di Malaysia'.

Presiden Soroptimist Antarabangsa Rantau Malaysia (SIROM), Puan Sri Siew Yong Gnalingam berkata, forum itu bertujuan membincangkan peranan orang ramai dalam mewujudkan keamanan di rumah, negara dan dunia.

"Sebagai wanita, kami mahu melihat penurunan keganasan kerana ia hanya membawa keperitan, penyeksaan dan kehilangan nyawa.

"Tiada alasan yang boleh menghalalkan perbuatan keganasan, oleh itu kempen kami berkisar sekitar isu meningkatkan keamanan dan mengurangkan keganasan," katanya pada sidang akhbar mengenai forum tersebut di sini, hari ini.

Soroptimist Antarabangsa merupakan pertubuhan wanita peringkat pengurusan dan profesional yang mengusahakan projek-projek sosial bagi meningkatkan taraf wanita dan hak asasi manusia dan mempromosikan kesaksamaan, pembangunan serta keamanan.

Menurut Siew Yong, pada majlis itu, Dr. Mahathir akan turut melancarkan brosur 'Tiada Reperangan, Hanya Keamanan' yang akan diedarkan kepada ahli-ahli Soroptimist di seluruh dunia.

"Seramai 200 tetamu dari 12 Kelab Soroptimist tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka menghadiri forum itu," katanya.

Selain acara itu, katanya, SIROM akan turut mengadakan bengkel 'Perlindungan Daripada Keganasan dan Penderaan' bagi golongan wanita dan kanak-kanak di seluruh negara.